

Pertukaran pelajar **UPM-Universiti Miyazaki**



Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani dua persetujuan kerjasama dengan Universiti Miyazaki, Jepun bagi pertukaran pelajar dan penyelidik.

UPM diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jaafar manakala

Universiti Miyazaki diwakili Presidennya, Prof Dr Tatsuo Suganuma.

Dalam perjanjian pertukaran pelajar, kedua-dua universiti bersetuju untuk menaja tiga pelajar setahun.

Projek penyelidikan

Perjanjian pertukaran akademik pula meliputi pertukaran penyelidik; kerjasama dalam projek penyelidikan dan simposium; pertukaran data dan bahan penyelidikan; pertukaran pelajar dan kakitangan pentadbiran.

Universiti Miyazaki ialah universiti kebangsaan di tenggara Pulau Kyushu, menghadap Lautan Pasifik.

Memiliki 5,600 pelajar dan 1,400 kakitangan, universiti itu ditubuhkan pada Oktober 2003 berikutan penggabungan dengan Kolej Perubatan Miyazaki..

Wakil UPM dan Universiti Miyazaki selepas menandatangani MoU antara dua universiti [FOTO HASRUL HAMDAN / BH]